

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/1 Jld. 2 (17)
Tarikh : 23 Jun 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2026

GARIS PANDUAN BANK KREDIT AKADEMIK (GUIDELINES ON ACADEMIC BANK OF CREDIT, ABC)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah membangunkan dokumen Garis Panduan Bank Kredit Akademik (*Guidelines on Academic Bank of Credit, ABC*) sebagai panduan kepada penyedia *Micro-Credentials* (MC), *Quality Verification Centres* (QVC) yang dilantik oleh MQA, agensi berkaitan, industri dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan sistem ABC di Malaysia.
3. Garis panduan ini dibangunkan bagi menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat, memperkuat ekosistem pendidikan fleksibel dan pengiktirafan pembelajaran melalui mekanisme pengumpulan, penyimpanan, pemindahan serta penebusan kredit akademik secara berpusat dan digital.
4. *Academic Bank of Credit* (ABC) berfungsi sebagai repositori digital kebangsaan bagi merekod, menyimpan, mengurus dan mengesahkan *Academic Credit Record* (ACR) yang diperoleh melalui:
 - 4.1 *Unbundled Micro-Credentials* (MC) daripada program akademik yang telah diakreditasi; dan
 - 4.2 *Stand-Alone Micro-Credentials* (SAMC) yang telah melalui proses pengesahan kualiti oleh QVC yang diluluskan.
5. Garis panduan ini memperincikan prinsip umum ABC, dasar dan skop pelaksanaannya, kriteria pendeposit serta jenis pembelajaran yang layak untuk pendepositan ACR, proses pendepositan, penebusan dan penggunaan kredit akademik. Selain itu, garis panduan ini turut menjelaskan metadata ACR serta peranan dan tanggungjawab MQA, penyedia MC, QVC dan pembelajar dalam pelaksanaan ABC.

6. Semua penyedia MC dan QVC hendaklah memastikan pematuhan terhadap garis panduan ini termasuk keperluan berkaitan integriti data, keselamatan siber, ketepatan rekod dan perlindungan data pembelajar.

7. Garis panduan ini akan digunakan bagi melaksanakan sistem ABC yang diselia oleh MQA. Peranan pihak berkepentingan seperti penyedia MC, QVC dan pembelajar akan diperjelaskan dalam pemakluman pelaksanaan sistem ABC pada masa akan datang.

8. Dokumen garis panduan ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Bangunan Canseleri
Universiti Malaysia Kelantan
16300 BACHOK, KELANTAN
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia
11800 MINDEN, PULAU PINANG
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading
Taman Connaught, Cheras
56000 CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR